

Faktor-Faktor Mempengaruhi Keselamatan Kerja Dalam Kalangan Pekerja

Noor Azizah Noorashid¹, Nurul Hani Binti Jaafar², dan Wan Emril Nizar Wan Embong³

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial,
Widad University College, BIM, 25200 Kuantan
Pahang, Malaysia.
azizah@widad.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi keselamatan kerja dalam kalangan pekerja baru di dalam sektor swasta. Faktor-faktor keselamatan kerja ini dinilai berdasarkan maklumat demografi responden seperti pangkat dan tempoh perkhidmatan. Seramai 86 responden yang di pilih secara rawak untuk menjalankan kajian. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan borang soal selidik. Perisian statistik yang digunakan adalah *Statistical Package For Social Science (SPSS)*. Hasil kajian telah mendapati bahawa faktor sokongan kepada organisasi adalah positif dan signifikan dalam menjelaskan keselamatan pekerja.

ABSTRACT

This study is conducted to identify factors that influence work safety among new workers in the private sector. These work safety factors are based on respondents' demographic information such as rank and duration of service. A total of 86 respondents were randomly selected to conduct the study. The study was quantitative and used questionnaires. The statistical software used is *Statistical Package For Social Science (SPSS)*. The results of the study have found that support factors to the organization are positive and significant in explaining employee safety.

Keywords: *Keselamatan Kerja dalam Sektor Swasta*

1.0 Pengenalan

Menurut Macky (2004), keselamatan kerja adalah sesuatu perubahan struktur dalam bidang masing-masing dan juga persekitaran termasuklah dari segi peningkatan pekerja wanita, perubahan peraturan kerja yang baru dan pengenalan kepada teknologi yang baru. Manakala, tahap keselamatan kerja juga dapat dilihat melalui kadar pengurangan pekerja yang semakin meningkat disebabkan oleh organisasi mahu melakukan penambahbaikan dari segi ekonomi dan bagi memastikan prestasi organisasi semakin bagus (Sverke, 2006).

Greenhalgh dan Rosenblatt (1984), melihat keselamatan kerja ini merupakan ketidakberdayaan kerja untuk mempertahankan kelanjutan pekerjaan kerana disebabkan oleh ancaman situasi dari suatu pekerjaan. Sementara itu, Hartley, Jacobson, Klandermans, dan Van Vauren (dalam Sverke & Hellgren, 2002) mengatakan bahawa keselamatan kerja adalah ketidakamanan yang dirasakan oleh seseorang melalui tugas yang berlebihan dan aspek-aspek penting yang berkaitan dengan pekerjaan itu sendiri. Malah, ia juga merupakan satu pandangan yang subjektif bagi seseorang mengenai situasi atau peristiwa yang mengancam pekerjaan di tempatnya bekerja.

Tahap keselamatan kerja ini sangat penting kerana ianya merupakan sesuatu perkara yang perlu dititikberatkan oleh pihak organisasi bagi memastikan keselamatan pekerja daripada segi mental mahupun fizikal diutamakan. Ianya perlu diutamakan kerana masalah ini melibatkan nyawa dan fizikal pekerja tersebut. Jika pihak organisasi mengambil berat mengenai perkara ini, ianya akan membuatkan pekerja lebih yakin dan lebih bersemangat untuk menjalankan tugas dengan lebih yakin. Malah, pekerja tidak akan berasa risau mengenai tahap keselamatan mereka ketika menjalankan tugas.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji tersebut, keseluruhannya menceritakan bahawa keselamatan kerja ini boleh disebabkan sokongan daripada organisasi (POS), melalui kajian yang dijalankan oleh kajian lepas, termasuk daripada segi mengutip data dan mengumpulkan maklumat dapat dikaitkan bersama.



Rajah 1: Kerangka Konseptual

2.0 Metodologi

Kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada pekerja untuk mengetahui adakah faktor POS menyumbang kepada tahap keselamatan pekerja. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk menjawab persoalan kajian. Populasi kajian adalah seramai 110 orang, manakala sampel pula diambil seramai 86 orang. Kajian ini menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science* (SPSS) untuk menganalisis data, secara lebih spesifik, analisis *multiple linear regression*.

3.0 Perbincangan

Coefficients ^a					
Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1					
(Constant)	4.161	.085		48.774	.000
Sokongan daripada organisasi (POS)	.061	.020	.320	3.093	.003

a. Dependent Variable: Keselamatan pekerja

Jadual 1: Analisis Multiple Regression

Jadual 1 menunjukkan bahawa sokongan daripada organisasi (POS) mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pembolehubah kepuasan, dengan nilai beta 0.32, $p < 0.005$. ini membawa erti sokongan daripada organisasi adalah merupakan faktor yang penting kepada para pekerja sesebuah organisasi untuk berasa selesa dan selamat untuk bekerja. Terdapat juga faktor-faktor lain yang perlu dikaji bagi menjelaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada keselamatan pekerja.

References

- Ashford, S. J., Lee, C., & Bobko, P. (1989). Content, cause, and consequences of job insecurity: A theory-based measure and substantive test. *Academy of Management journal*, 32(4), 803-829
- Blackmore, C. V. (2011). Job insecurity and its antecedents
- Lee, J., & Peccei, R. (2007). Perceived organizational support and affective commitment: the mediating role of organization-based self-esteem in the context of job insecurity. *Journal of Organizational Behavior: The International Journal of Industrial, Occupational and Organizational Psychology and Behavior*, 28(6), 661-685
- Mahfuz, S., Sulaiman, W. S. W., Omar, F., & Zamani, Z. A. (2017). PENGARUH FAKTOR PEKERJAAN TERHADAP PRESENTEEISM DAN KEPUASAN KERJA (The Influence of Job Factors towards Presenteeism and Job Satisfaction). *e-Bangi*, 14(5)
- Setiawan, R., & Hadiano, B. (2010). Job insecurity dalam organisasi. *Jurnal Manajemen Maranatha*, 7(2), 69-7
- Sverke, M., Hellgren, J., & Näswall, K. (2006). *Job insecurity: A literature review*. Arbetslivsinstitute
- Uçar, D., & Ötken, A. B. (2010). Perceived organizational support and organizational commitment: The mediating role of organization based self-esteem. *Dokuz Eylül Üniversitesi İktisadi ve İdari Bilimler Fakültesi Dergisi*, 25(2).